

**Ucapan oleh Leonid Brezhnev  
di Upacara Menandatangani Pernyataan  
Bersama Soviet-Amerika pada  
24 Jun, 1973**

Tetamu yang dihormati Tuan Presiden,

Untuk mengakhiri lawatan resmi ke negara tuan, saya ingin menyatakan terimakasih kepada tuan, Kerajaan Amerika dan rakyat Amerika kerana layanan yang memuaskan diberi kepada saya dan rakan-rakan saya yang menyertai lawatan ini.

Adalah mengembirakan melawat Amerika Syarikat dan meneruskan hubungan yang dimulakan di Moscow pada bulan Mei, 1972 semasa lawatan Presiden Nixon ke Moscow.

Dalam rangka rundingan kita di Washington di Kam David dan di sini di San Clemente kami tidak mengikuti protokol tetapi menghabiskan masa kami dalam berunding. Di sini juga Presiden dan saya meneruskan rundingan hingga larut malam.

Dan hari ini untuk menghuraikan hasil kerja kami, kami boleh menyatakan dengan jujur bahawa usaha kita tidak terbuang begitu saja dan telah dapat memenuhi segala apa yang diharapkan. Kami telah mencapai persetujuan-persetujuan penting yang memenuhi kepentingan rakyat kita dan lain-lain negara.

Yang lebih penting sekali ialah Perjanjian mengenai Mencegah Perang Nuklear yang telah ditandatangani oleh Presiden dan saya pada hari Jumaat. Ini bukan sahaja

penting bagi kedua buah negara. Ia akan menolong menguatkan keamanan di seluruh dunia. Inilah sebabnya mengapa semua rakyat di dunia, semua negara-negara yang cintakan keamanan mengalu-alukannya.

Semasa kami berada di negara tuan kami telah berjumpa dan berunding dengan senator-senator dan ahli-ahli kongres Amerika, dan sekumpulan wakil-wakil yang ramai dari dunia perniagaan Amerika. Dan di sini di California, kami telah memperoleh peluang menemui ramai orang-orang awam yang terkemuka dari negeri ini dan orang-orang lain di berbagai lapangan hidup. Rakan-rakan saya yang telah mengiringi saya dalam lawatan ini telah mengadakan banyak pertemuan dengan rakyat Amerika. Semua hubungan-hubungan dan rundingan-rundingan ini telah menguatkan lagi kepercayaan kami bahawa sejumlah besar dari rakyat Amerika menyedari tentang pentingnya langkah-langkah yang telah kami ambil ke arah memajukan lagi hubungan-hubungan Soviet-Amerika, dan bahawa mereka mempersetujui langkah-langkah tersebut dengan sepenuh hati mereka.

Beberapa hari yang lalu saya telah menemui sekumpulan wartawan-wartawan Amerika. Mereka juga telah menyuarakan simpati terhadap apa yang telah dibuat akhir-akhir ini bagi menjadikan hubungan-hubungan antara kedua negara kita menjadi lebih stabil lagi. Saya gembira mendengar perkara ini. Bagi diri saya, saya ingin memberi jaminan kepada tuan semua bahawa rakyat Soviet menyokong sepenuhnya dasar yang bertujuan memperbaiki hubungan Soviet-Amerika demi menstabilkan keamanan, dan mereka akan, tanpa sebarang keraguan, meluluskan dokumen-dokumen yang ditandatangani dalam masa beberapa hari yang lalu di Washington dan San Clemente.

Saya merasa pasti bahawa dokumen-dokumen ini akan mendapat persetujuan dari semua rakyat di seluruh dunia yang jujur dan cintakan keamanan.

Inilah sebabnya mengapa kami meninggalkan Amerika Syarikat dengan hati yang riang. Apa yang telah dicapai akan memberikan kepada kami tambahan kekuatan dan tenaga baharu bagi meneruskan usaha untuk keamanan.

Saya percaya bahawa bila Presiden Nixon datang ke

Moscow tahun hadapan, yang telahpun kita persetujuan bersama, beberapa perjanjian baharu akan diadakan, yang bukan sahaja menguatkan lagi apa yang telah kita mulakan di Moscow dan diteruskan di Washington, tetapi akan mengusahakan terus tugas ini selanjutnya.

Tuan Presiden, oleh kerana lawatan kami ke negara tuan sampai ke peringkat akhir, saya ingin bagi pihak diri saya dan bagi pihak rakan-rakan di Moscow mengucapkan terimakasih kepada semua rakyat Amerika yang menyokong dasar tersebut yang bertujuan merapatkan lagi hubungan-hubungan antara kedua negara kita.

Kami berharap semangat yang ditunjukkan dalam rundingan-rundingan kami dengan tuan, Tuan Presiden, dengan negarawan-negarawan Amerika yang lain, akan menjadi landasan bagi hubungan-hubungan kita di masa akan datang semasa ia dimajukan terus. Saya juga percaya bahawa Presiden Nixon dan kerajaannya akan, dalam meneruskan usaha mengadakan hubungan-hubungan Soviet-Amerika ini, akan mendapat sokongan dari kebanyakan rakyat Amerika, kerana tugas memperbaiki hubungan kita akan memenuhi kepentingan-kepentingan utama kedua buah negara kita dan juga semua negara lain.

Sebagai penutupnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Tuan Presiden dan Puan Nixon dan semua rakan-rakan tuan kerana memberi sambutan hangat terhadap kami.

Selamat tinggal dan sehingga kita bertemu semula!